

'Jangan pameran barang lapuk di luar negeri'

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan jangan lagi memamerkan barang-barang usang dan lapuk di pejabat-pejabat mereka dalam usaha meneroka pasaran baru.

Tindakan demikian, tegas beliau, tidak akan mendatangkan sebarang hasil, malah menjejaskan imej barang keluaran Malaysia di pasaran dunia.

Timbalan Perdana Menteri lalu mengesa pesuruhjaya-pesuruhjaya perdagangan lebih agresif dalam meningkatkan lagi eksport barang buatan Malaysia.

"Mereka harus tahu sepenuhnya jenis barangan yang sedang dikeluarkan dan yang

akan ditingkatkan pengeluarannya di Malaysia supaya pasaran luar negeri tersedia apabila kita ingin memaukuli lapangan itu.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata demikian ketika merasmikan perisidangan Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia ke-2 di sini mulai hari ini hingga 14 September ini.

Bellau yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata barang-barang pameran itu hendaklah diawasi dengan baik kerana ia mencerminkan nilai dan mutu barang keluaran Malaysia.

"Saya biasa lihat barang-barang yang dipamerkan di Pejabat Suruhanjaya Perdagangan kita usang dan lapuk semasa melawat ke pejabat-pejabat itu di luar negeri," tambah beliau.

"Label-label di tin-tin telah kelabu dan tidak dapat dibaca lagi.

Diawasi

"Kedua exhibit seperti ini bukan sahaja tidak akan berkesan menarik pengimport tetapi akan mematkan sama sekali minat mereka," katanya.

Bellau berharap perkara tersebut diawasi dan satu sistem dibentuk untuk menentukan pameran Malaysia mencapai maksud lainnya diadakan.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, sektor perindustrian memainkan peranan penting dalam usaha menyusun semula serta memodenkan lagi ekonomi negara.

Katanya, berdasarkan prestasi eksport barang-barang buatan kilang, beliau pasti aktiviti perindustrian telah bertambah.

Eksport barang-barang tersebut meningkat 36.5 peratus tahun lepas berbanding dengan tahun 1977, katanya.

Bellau berkata, keadaan itu masih boleh diperbaiki dan masih banyak potensi untuk memperkembangkan eksport negara ini.

Menurut beliau, Malaysia tidak harus bergantung hanya kepada pasaran di negara-negara maju sahaja.

"Kita harus mencari pasaran-pasaran lain terutama di negara-negara sedang membangun, seperti Asia Barat dan sebagainya," tambah beliau.

Bellau berkata hasrat memperkembangkan pasaran itu bukan sahaja terserah kepada Kerajaan, pengeksport-pengeksport sendiri mesti berusaha sedaya upaya.

No. Siri 2163

No. Penerimaan 339/82

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Tugas

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata lagi, untuk menjayakan tugas itu Kerajaan akan mengadakan satu pusat pameran bagi memamerkan barang-barang buatan Malaysia untuk memberi maklumat serta konteks tentangnya.

Pusat baru ini akan membolehkan pengimport-pengimport luar meneliti barang-barang eksport Malaysia.

Menurut beliau adalah menjadi tugas Pesuruhjaya Perdagangan memperkenalkan pusat itu kepada semua ahli peniaga yang ingin melawat Malaysia.

"Di waktu ini ramai yang tidak sedar tentang kebolehan Malaysia mengeluarkan aneka jenis barang yang bermutu tinggi," ujarnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menyatakan pentingnya peranan yang dimainkan oleh isteri-isteri Pesuruhjaya Perdagangan.